

Penat Lelah Pelajar Tidak Terbayar

Oleh: Nurul Syazwani Mohd Nor 1180317

NILAI: Penangguhan Program Global Islamic Student Outreach (GISO) telah menzahirkan perasaan sedih dalam kalangan para mahasiswa.

Itulah perasaan yang digambarkan oleh para mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) khususnya kerana penat lelah dan usaha mereka menjana pendapatan bersama rakan-rakan untuk melakukan aktiviti kesukarelawanan ke luar negara terkubur begitu sahaja.

Para mahasiswa mengorbankan seluruh tenaga dan usaha mereka dengan melakukan pelbagai aktiviti demi merealisasikan impian mereka melakukan program GISO yang kebiasaannya dirancang oleh para mahasiswa sejak dari tahun pertama pengajian.



Pelajar bekerja di gerai burger demi menajana pendapatan untuk program GISO kumpulan mereka.

Program GISO merupakan aktiviti pengembaraan yang akan menjadi aktiviti tahunan USIM dalam melaksanakan agenda pemindahan ilmu selain memahami budaya masyarakat antarabangsa.

Program itu adalah satu inisiatif dakwah ke rantau jauh melalui pelbagai aktiviti tujahan kesukarelawanan terutamanya di negara minoriti umat Islam dan komuniti setempat yang diziarahi dalam usaha mengupayakan (empower) komuniti tersebut agar mereka berupaya mentransformasikan kehidupan mereka ke tahap yang lebih baik.

Program GISO merupakan program yang dinanti-nanti oleh para mahasiswa USIM dalam sepanjang tempoh pengajian kerana para mahasiswa diberi peluang melakukan aktiviti kesukarelawanan di peringkat antarabangsa.



Poster Program GISO vs COVID Diteruskan atau Tidak?

Namun setelah Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan larangan ke luar negara termasuk juga bagi pelajar yang berhasrat untuk ke luar negara atas tujuan pendidikan, satu program atas talian diadakan iaitu "GISO VS COVID DITERUSKAN ATAU TIDAK?" bertujuan untuk memberi penerangan dan pencerahan terhadap status program GISO yang sepatutnya menjadi antara program besar tahunan setiap pelajar.

Dapatan daripada program tersebut, program GISO terpaksa ditangguhkan sementara waktu sehingga tarikh yang tidak diketahui bergantung kepada keadaan pandemik COVID-19 di seluruh dunia.

Pengarah Program, Ahmad Anwaruddin Shahlan, 22, berkata bagi mahasiswa yang berada di tahun akhir pengajian, mereka terpaksa membatalkan program GISO mereka dengan kekal berada di rumah agar dapat menghindarkan diri daripada dijangkiti di samping membantu memutuskan rantaian virus COVID-19.

"Perasaan sedih itu memang ada namun kita sebagai mahasiswa seharusnya menerima dengan hati yang terbuka kerana perkara ini tidak dapat diduga oleh semua pihak. Kita haruslah berdoa agar penularan COVID-19 ini dapat dihenFkan dan pelajar dapat melakukan aktiviti di kampus seperti biasa," katanya ketika ditemubual baru-baru ini.

Keterbatasan para mahasiswa dalam melakukan program samada di dalam mahupun luar kampus bukanlah penghalang untuk mereka berhenti melakukan aktiviti dan program yang menarik kerana ruang maya sebenarnya terbuka luas 24 jam sehari, tujuh hari seminggu untuk 1,001 projek yang kini dilakukan oleh kebanyakan IPT.